



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 25 JANUARI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	KAEDAH TUBA, RENJATAN ELEKTRIK 'HARAM', LOKAL, HM -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	FAMA PAHANG JANA HASIL TANI RM2 JUTA, NASIONAL, SH -38	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	KUAT KUASA KEBUN HARAM DEMI CAMERON HIGHLANDS, SURAT PEMBACA, BH -39	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2020	HARIAN METRO	LOKAL	21

## Kaedah tuba, renjatan elektrik 'haram'

**Tampin:** Jabatan perikanan Negeri Sembilan memberi amaran kepada orang ramai supaya tidak menggunakan kaedah menuba dan renjatan elektrik bagi menangkap ikan di perairan umum termasuk sungai dan tasik.

Pengarahnya Halimi Abu Hanip berkata, pihaknya sudah dan akan mengadakan operasi pemantauan berterusan bagi memastikan cara penangkapan ikan yang dilarang itu tidak digunakan.

Katanya cuaca panas yang berlaku ketika ini menjadi pilihan orang ramai menangkap ikan apabila ada sungai menjadi cetek dan kering.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	36

## FAMA Pahang jana hasil tani RM2 juta

**KUANTAN-** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang mencatatkan hasil jualan produk pertanian sebanyak RM2 juta tahun lalu menerusi Program Motosikal Tiga Roda (M3R) yang disertai 58 usahawan tani atau peraih di kawasan luar bandar.

Pengarah FAMA Pahang, Noh Nik Wan berkata, jumlah hasil pungutan itu jelas membuktikan program M3R mampu membantu usahawan di kampung memasarkan produk tani secara terus kepada penduduk di kawasan mereka.

“Kita lihat program M3R amat berkesan dalam membantu peraih menam-

bah pendapatan dengan menjual produk tani kepada penduduk setempat dan seterusnya dipasarkan ke pusat jualan.

“Kita akan meneruskan program sama pada masa akan datang bagi membantu peraih menjana pendapatan mereka,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan dan Akujanji Intensif M3R di FAMA Pahang di sini semalam.

Pada majlis itu, tiga penerima iaitu Awis Qarnie Solleh, 28; Ainatul Mardhiah Mohd Yasin, 30, dan Sapri Subani, 71, menerima M3R untuk memasarkan produk mereka di Kampung Pandan, Sungai Soi dan Sungai Isap.



**Noh (kiri) menyampaikan M3R kepada Ainatul Mardhiah dan dua usahawan tani lain pada Majlis Penyerahan dan Akujanji Intensif M3R di FAMA Pahang semalam.**



# Kuat kuasa kebun haram demi Cameron Highlands

Merujuk isu semasa berkaitan kerja penguatkuasaan ke atas kebun haram di Cameron Highlands menerusi Ops Lestari 2 yang dimulakan kembali, selepas 23 pekebun kecil menarik balik perintah injuksi mereka 30 September lalu.

Segelintir memberi ulasan negatif terhadap tindakan dilaksanakan menerusi agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri diketuai Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Hal ini sudah lama ditetapkan kerajaan negeri dan dibincang serta diputuskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pemulihan Cameron Highlands yang dipengerusikan bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, pada 9 Disember lalu.

Sudah ditetapkan bahawa, semua tanah pertanian yang diberikan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) sebelum ini, iaitu 78 hak milik yang berkeluasan kira-kira 5,519 hektar, diberi milik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Pahang, yang kemudian akan menyewa atau memajakkannya dalam tempoh ditetapkan, kepada pekebun.

Demi memastikan pekebun, penyewa dan pemajak benar-benar bertanggungjawab dalam mengerjakan tanah pertanian ini kelak, mereka hendaklah terlebih dahulu memperoleh sijil MyGAP (Malaysian Good Agricultural

Practice) yang dikeluarkan Jabatan Pertanian.

Selain itu, Unit Kawal Selia MyGAP di bawah anak syarikat kerajaan negeri, Pahang Corporation Sdn Bhd, akan melaksanakan kerja mengawal selia aspek pematuhan kepada kriteria ditetapkan MyGAP.

Bagi menjamin pengurusan cerun lebih cekap, diputuskan bahawa semua 'sheltered farming' (rumah plastik) yang didirikan pekebun, perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH).

Penggunaan jentera berat pula perlu mendapat permit daripada sebuah jawatankuasa teknikal diwakili PDTCH, MDCH, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Dalam pada itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pemulihan Cameron Highlands juga mengambil maklum beberapa lagi usaha dan tindakan diambil kerajaan negeri. Antaranya:

Kawasan Sungai Ichat dan sekitarnya berkeluasan 121.12 hektar diluluskan bagi maksud pewartaan sebagai Hutun Simpanan Sungai Ichat, dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 13 Mac tahun lalu.

Seluruh kawasan dalam daerah Cameron Highlands diluluskan bagi maksud pewartaan se-



*Kebun sayur haram dan tidak terkawal jejas kelestarian Cameron Highlands.*

bagai kawasan operasi MDCH dalam mesyuarat MMK pada 17 September lalu.

Pewartaan seluruh Hutun Simpanan Kekal (HSK) Batu Gangan, HSK Batu Gangan Tambahan, HSK Hulu Ichat, dan HSK Sungai Terla B seluas kira-kira 2,289.62 hektar sebagai taman negeri.

Dengan semua keputusan ini sekali gus menjawab tohmahan kononnya tanah dikosongkan menerusi kerja penguatkuasaan, akan kerajaan negeri gunakan untuk maksud lain demi kononnya, keuntungan pihak tertentu.

Keputusan ini juga tentu dapat menjawab persoalan kononnya kerajaan negeri tidak memberi

tanah alternatif kepada pekebun haram terabit, sedangkan keputusan ini sebenarnya 'alternatif' lebih menyeluruh dan praktikal kepada seluruh isu tanah pertanian yang dihadapi di Cameron Highlands ketika ini.

Ini juga tentunya sebagai menjunjung titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, yang berkenan mencemar duli meninjau kawasan kebun haram berkenaan pada 7 September lalu.

**Datuk Abdul Wahab Mohamad Ali,**  
Setiausaha Akhbar  
kepada Menteri Besar Pahang